

# Mahathir marah: Harapkan pagar, pagar makan padi

12 OCT 1983  
KUALA LUMPUR

Oktober - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menunjukkan rasa marahnya terhadap orang - orang yang terlibat dalam isu BMF dengan men-sifatkan mereka sebagai pagar makan padi.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, "saya sentiasa marah dengan orang yang telah dibenarkan amanah dengan sesuatu pekerjaan, tetapi apa yang diharapkan ialah pagar makan padi."

Beliau berkata "mereka telah diberi tugas yang diamanahkan untuk menjaga kepentingan kita tetapi telah melakukan jenayah yang jijik."

Melahirkan kemarahan itu, Perdana Menteri berkata walaupun mereka itu telah tidak melakukan kesalahan dari segi undang - undang tetapi dari segi moral adalah bersalah.

Beliau menjelaskan bahawa tidak ada tindakan diambil ke atas mereka yang terlibat sehingga kini kerana perkhidmatan mereka diperlukan untuk mendapatkan semula pinjaman yang diberikan.

"Tetapi sekarang semua itu telah berlalu dan hanya sedikit sahaja yang dapat kita lakukan," jelas beliau.

Dengan demikian tindakan akan dilakukan bagi pegawai yang terlibat dengan menyuruh mereka meninggalkan bank, katanya.